

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

HGM 432 - Analisis Demografik

Tarikh: 4 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari
(3 Jam)

Jawab EMPAT(4) soalan. SOALAN NO. 1 MESTI dijawab dan TIGA(3) soalan yang lain. Setiap soalan memberikan 25 markah.

1. Tuliskan nota ringkas mana-mana tiga(3) daripada yang berikut:
 - (a) Kelemahan-kelemahan data umur daripada banci penduduk
 - (b) Kelemahan dan kebaikan pengukuran kadar kasar kelahiran, kadar umum kesuburan dan kadar jumlah kesuburan
 - (c) Bezakan di antara perubahan linear dengan perubahan eksponensial di dalam kajian perubahan penduduk
 - (d) Umur median
 - (e) Kematian perinatal, kematian neonatal dan kematian lepas-neonatal.
2. Kaji Jadual Hayat Lelaki Melayu Semenanjung Malaysia 1975 dan jawab soalan-soalan di bawahnya.

Umur x -----	Bilangan Orang Hidup Pada Tepat Umur x lx -----
0	100,00
1	95,978
5	94,447
10	93,739
15	93,332
20	92,786
25	92,008
30	91,014

.../2

35	89,928
40	88,502
45	86,436
50	83,285
55	78,463
60	72,037
65	61,625
70	49,155
75	34,429

Berdasarkan Jadual Hayat ringkas tersebut di atas hitungkan yang berikut:

- (a) i. $P \quad P \quad P$
 $0, 10 \quad 10, 5 \quad 25$ (3 markah)
- ii. $q \quad q \quad q$
 $0, 5 \quad 10, 15 \quad 45$ (3 markah)
- iii. $d \quad d \quad d$
 $5 \quad 25, 10 \quad 50, 15 \quad 25$ (3 markah)
- iv. $L \quad L \quad L$
 $0, 5 \quad 45, 15 \quad 30$ (3 markah)

Sebutkan andaian-andaian yang dibuat apabila membuat perhitungan di atas.

- (b) Bincangkan kegunaan Jadual Hayat ringkas. (6 markah)
- (c) Nyatakan faktor-faktor yang mesti diambil kira dalam menyediakan jadual hayat bagi sesebuah negara (7 markah)

3. Kajikan data-data kelahiran perempuan menurut kumpulan umur Semenanjung Malaysia, 1977 yang terdapat pada kolom (1) hingga (4) dan kemudian jawab soalan-soalan dibawahnya.

Kumpulan Umur	Titik Tengah Umur Interval	Kelahiran Perempuan per 1,000 wanita	Tahun Orang Hidup Dalam Umur Interval (per wanita) L 5 x/100,000
(1)	(2)	(3)	(4)
15-19	17.5	20.45	4.7736
20-24	22.5	89.43	4.7532
25-29	27.5	112.51	4.7293
30-34	32.5	91.37	4.6967
35-39	37.5	57.54	4.6518
40-44	42.5	23.16	4.5930
45-49	47.5	2.84	4.5043

Berdasarkan empat kolom data tersebut di atas jawab soalan-soalan berikut:

- (a) Hitungkan:
- i. Kadar kasar pembiakan (GRR) (2 markah)
 - ii. Kadar bersih pembiakan (NRR) (3 markah)
 - iii. Panjang generasi min. (5 markah)
- (b) Bincangkan keertian jawapan di bahagian (a) dalam kontek kesuburan di Semenanjung Malaysia dalam tahun 1977. (10 markah)
- (c) Berdasarkan jawapan di bahagian (a) juga bandingkan paras kesuburan di Semenanjung Malaysia dengan paras kesuburan di negara maju seperti di Eropah. (5 markah)
4. Dengan memberikan contoh-contoh bincangkan kaedah-kaedah yang boleh digunakan bagi mengukur keberkesanan program perancang keluarga terhadap kesuburan di dalam sesebuah negara.
5. (a) Terangkan langkah-langkah yang boleh diambil untuk menggunakan kaedah komponen dalam membuat unjuran penduduk.
- (b) Jelaskan tiga(3) jenis perkiraan penduduk dan terangkan langkah-langkah yang diambil bagi membuat perkiraan penduduk tersebut.
6. Anda dikehendaki menjalankan suatu kajian migrasi di Malaysia. Huraikan dan jelaskan kaedah-kaedah yang anda fikirkan sesuai bagi menjalankan kajian ini dan nyatakan sebab-sebab kenapa anda memilih kaedah tersebut.

-ooo000ooo-